

Amaran hujan berlarutan di Johor, Selangor siap sedia hadapi banjir

Oleh IZWAR ABDUL WAHID

KUALA LUMPUR 24 Jan. - Hujan lebat yang kembali melanda Johor semalam dijangka berlarutan hingga Ahad ini dan berkemungkinan beberapa kawasan rendah di negeri itu dilanda semula banjir.

Pada masa yang sama, semua jabatan kerajaan dan agensi penyelamat di Selangor diarah bersiap sedia menghadapi kemungkinan banjir di negeri ini berikutan amaran hujan lebat mulai Jumaat ini.

Ketua Penolong Pengarah Pusat Ramalan, Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), Muhammad Helmi Abdullah berkata, hujan kali ini sebagaimana sebelumnya akan melanda kawasan timur dan selatan Johor.

Menurutnya, hujan lebat luar biasa untuk kali ketiga itu juga diramal berlaku di selatan Pahang mulai esok.

"Kita sudah maklumkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran tentang kemungkinan berlaku banjir bagi membolehkan mereka mengambil langkah perlu untuk kurangkan kesan banjir.

"Hujan lebat di Johor dan Pahang hanya berlaku kadangkala tetapi kita tidak menolak kemungkinan banjir akan berlaku sekali lagi memandangkan banyak kawasan di Johor yang masih digenangi air," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beberapa kawasan di Johor yang dilanda banjir dua kali dalam tempoh tidak sampai sebulan masih ditenggelami air terutamanya di daerah Batu Pahat.

Tambahnya, JMM juga masih meletak

■ Lihat muka 3

Amaran hujan berlarutan di Johor, Selangor siap sedia hadapi banjir

amaran peringkat merah di Sarawak terutamanya bahagian barat negeri berkenaan yang bakal menerima jumlah hujan lebih banyak berbanding bahagian timur.

Menurut Muhammad Helmi, beberapa tempat di Selangor serta Kuala Lumpur juga diramal mengalami hujan lebat dan ribut petir terutama pada sebelah petang dan malam tetapi disifatkan sebagai biasa ekoran luruan monsun.

Ujarnya, luruan monsun yang sedang berlaku hanya akan reda pertengahan Februari bagi memberi

laluhan kepada musim kemarau yang dijangka bermula selepas Mac ini.

Sementara itu, katanya, beberapa kawasan di Kelantan dan Terengganu dijangka menerima hujan renyai-renyai berpanjangan bermula esok sehingga Ahad ini.

"Sabah juga dijangka menerima hujan, kadang-kala lebat sehingga Ahad ini tetapi tiada amaran banjir dikeluarkan," katanya.

Sementara itu di Klang, Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo berkata, jabatan-jabatan

kerajaan perlu menggerakkan semula jawatankuasa bencana alam di kawasan masing-masing selain mengenali pasti lokasi yang perlu digunakan sebagai pusat pemindahan sementara.

Beliau turut berharap Jabatan Kemajuan Masyarakat bersedia dengan pelbagai bentuk bantuan sekiranya berlaku banjir.

"Kita tidak minta banjir tetapi kita perlu bersiap sedia. Yang penting kita kena ambil iktibar daripada kejadian banjir yang melanda Johor.

"Bila tidak bersedia, bantuan le-

wat tiba dan mangsa akan lambat menerima bantuan. Ini akan menjadi sesuatu yang menyusahkan. Tetapi saya amat berharap paras air laut tidak akan naik sehingga menyebabkan banjir di Selangor," katanya.

Mohamad Khir berkata demikian kepada pemberita selepas memperkerusikan mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di Pejabat Tanah dan Daerah Klang di sini hari ini.

Menurut beliau, ketika ini hanya beberapa lokasi di Kuala Selangor yang dilanda banjir.